

SOALAN NO : 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR IZANI BIN HUSIN [PENGKALAN CHEPA]
TARIKH : 8 NOVEMBER 2017
SOALAN : 12**

YB DR IZANI BIN HUSIN [PENGKALAN CHEPA] meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi menangani masalah pesakit terbeban dengan caj yang mahal berpunca daripada syarikat insurans yang mengenakan caj pentadbiran ke atas hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua

Semenjak tahun 2006, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ketiga Belas, Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013.

Jadual Ketiga Belas memberi kuasa kepada Kerajaan untuk meletakkan harga siling atau had maksimum kepada fi profesional iaitu fi perundingan termasuk fi rawatan rapi dan fi tatacara pengamal perubatan atau pergigian

11

swasta supaya rakyat diberi perlindungan daripada dikenakan caj yang terlampau tinggi.

Walau bagaimanapun, selain daripada fi profesional, KKM tidak mengawal kos bagi penginapan, fi tatacara kejururawatan, caj peralatan seperti caj alat pakai buang (jarum, picagari, *gauze* dan lain lain), caj ujian makmal, kos ubat-ubatan dan caj-caj pentadbiran hospital swasta.

Untuk makluman juga, syarikat-syarikat insurans di Malaysia tidak dikawal selia oleh KKM.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**
TARIKH : **8 NOVEMBER 2017 [RABU]**
SOALAN : **13**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimanakah penjenamaan semula Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd dapat memantapkan bidang industri bioteknologi negara dan apakah inisiatif Kerajaan dalam menghasilkan lebih banyak kejayaan dalam bidang sains dan teknologi negara di persada di dunia seperti yang pernah di kecapi apabila tiga saintis negara disenaraikan sebagai 72 saintis Minda Sains Paling Berpengaruh Dunia 2015 oleh Agensi Perkhidmatan Penarafan Indeks Saintifik Dunia, Thomson Reuters pada tahun 2015.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) telah menjalani proses penjenamaan semula identiti korporat pada 22 Julai 2016. Dahulunya ia dikenali sebagai Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (BiotechCorp).

13

Penjenamaan semula Bioeconomy Corporation dilaksanakan bagi membolehkan ia melaksanakan fungsi yang lebih besar sebagai pemacu bioekonomi di Malaysia. Bioeconomy Corporation juga turut bertindak sebagai agensi pemudahcara kepada industri berasaskan bio untuk mengkomersialkan hasil R&D mereka.

Di samping itu, penjenamaan semula ini juga bertujuan mengukuhkan lagi daya saing industri tempatan dalam pembangunan teknologi dan inovasi terutamanya dalam usaha memacu industri bioteknologi tempatan ke peringkat global. Pada masa ini, syarikat-syarikat Malaysia terutamanya syarikat-syarikat berstatus BioNexus telah menjadi perintis teknologi berasaskan bio. Disasarkan bahawa Malaysia akan mempercepatkan pertumbuhan industri berasaskan bio dengan menghasilkan sekurang-kurangnya 20 syarikat Malaysia berstatus global menjelang 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

MOSTI menyedari untuk menghasilkan saintis-saintis yang berkaliber, ia perlu dilaksanakan daripada awal usia lagi. Sehubungan itu, antara program atau insentif yang telah dilaksanakan di peringkat Kementerian adalah penganjuran Anugerah Saintis Muda Negara yang diadakan bagi mengiktiraf usaha saintis muda negara yang berumur 35 tahun dan ke bawah. Semua saintis muda negara berpeluang untuk memenangi Anugerah ini yang menawarkan hadiah bernilai RM20,000.00. Semenjak ia dianjurkan pada tahun 1989, seramai lebih daripada 40 orang saintis muda telah diberi pengiktirafan sebagai Saintis Muda Negara.

Selain itu, MOSTI melalui Akademi Sains Malaysia (ASM) melaksanakan inisiatif bagi mengenalpasti, memupuk, mengiktiraf dan menyokong

sumbangan saintis-saintis negara. Antara program yang dilaksanakan ialah *Top Research Scientists Malaysia* dan *Young Scientists Network*. Program-program sebegini memberi peluang kepada para saintis serta penyelidik negara untuk berkongsi ilmu dan kecemerlangan dalam bidang kepakaran masing-masing bersama rangkaian saintis tempatan dan antarabangsa yang lain.

ASM juga berperanan sebagai gerbang utama untuk saintis tempatan menempatkan diri mereka di peringkat dunia melalui kerjasama dengan pusat kecemerlangan antarabangsa seperti *European Organisation for Nuclear Research (CERN)*, *International Institute for Applied Systems Analysis (IIASA)*, *Nobel Foundation* dan *Inter Academy Medical Panel (IAMP)*. ASM juga terlibat sebagai salah satu badan pelaksana bagi program kerjasama dengan Kerajaan United Kingdom dalam bidang penyelidikan dan inovasi melalui Program Newton-Ungku Omar Fund.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada program dan insentif yang telah disediakan oleh Kementerian sehingga kini, adalah diharapkan saintis-saintis negara dapat menggunakan peluang tersebut untuk sentiasa meningkatkan kecemerlangan dan sumbangan mereka dalam bidang penyelidikan sains dan teknologi Negara dan seterusnya mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Adalah tidak mustahil Malaysia akan mempunyai saintis yang layak menerima Nobel Laurette pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.